# SOALAN LAZIM

**Kuiz Pelaburan PNB 2023 @ Digital**
**Kategori Remaja @ KPBPNB**

| No | Soalan | Penjelasan |
|---|---|---|
| 1 | Apakah Kuiz Pelaburan PNB 2023 @Digital Kategori Remaja @ KPBPNB | Kuiz Pelaburan PNB 2023 Kategori Remaja @ KPBPNB ini terbuka kepada pelajar sekolah Kelab Pelaburan Bijak PNB (Kuiz Pelaburan PNB @KPBPNB).<br><br>Kuiz Pelaburan PNB @KPBPNB dianjurkan secara maya dan terbahagi kepada 2 peringkat iaitu;<br>i. Peringkat Kelayakan (Kuiz Dalam Talian) dan<br>ii. Peringkat Finale (Virtual Treasure Hunt). |
| | Siapakah yang layak untuk menyertai Kuiz Pelaburan PNB 2023 Kategori Remaja @ KPBPNB? | Untuk layak menyertai Kuiz Pelaburan PNB@KPBPNB, sekolah dan peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:<br><br>i. Ahli kumpulan mestilah warganegara Malaysia dan terdiri daripada pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 di sekolah Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB).<br>ii. Setiap sekolah perlu menubuhkan sekurang-kurangnya 5 kumpulan dengan setiap kumpulan mempunyai 5 orang ahli |
| 2 | Berapa lama tempoh Kuiz Pelaburan PNB @KPBPNB Peringkat Kelayakan (Kuiz Dalam Talian)? | 07 Ogos -13 Ogos 2023 |
| 3 | Bilakah tarikh Kuiz Pelaburan PNB @KPBPNB Peringkat Finale (Virtual Treasure Hunt). | 23 Ogos 2023 |
| 4 | Bagaimana pemilihan pemenang dilakukan? | **Peringkat Kelayakan**<br>Kumpulan yang layak ke peringkat Finale akan dipilih berdasarkan<br>i. Markah tertinggi dari setiap sekolah<br>ii. 100 sekolah akan dipilih secara rawak menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan penganjur. |

<table>
<tr><th>No</th><th>Soalan</th><th>Penjelasan</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>Peringkat Finale<br>i. Pemenang akan ditentukan berdasarkan mata tertinggi dengan penyerahan terpantas.<br>ii. Kesemua pemenang yang diumumkan adalah muktamad dan tiada rayuan akan dilayan.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Bagaimana untuk menyertai Kuiz Pelaburan PNB 2023 Kategori Remaja @ KPBPNB?</td><td>Kuiz Pelaburan PNB @KPBPNB Peringkat Kelayakan (Kuiz Dalam Talian)<br>i. Setiap kumpulan perlu menjawab semua 25 soalan secara dalam talian (on-line) menerusi borang penyertaan yang boleh diakses di www.asnb.com.my<br>ii. Borang penyertaan mestilah dihantar dalam Tempoh Kuiz Kelayakan pada atau sebelum 13 Ogos 2023 (jam 12.00 malam).<br>Kuiz Pelaburan PNB @KPBPNB Peringkat Finale (Virtual Treasure Hunt).<br>i. 100 Kumpulan dari 100 sekolah yang tepilih akan menyertai Virtual Treasure anjuran pihak Penganjur menggunakan aplikasi Zoom.<br>ii. Setiap pasukan perlu menyiapkan tugasan yang diberi dalam tempoh masa yang ditetapkan dan menghantar tugasan di pautan penyerahan yang akan diberikan pada hari pertandingan.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Apakah hadiah yang ditawarkan?</td><td>Hadiah Keseluruhan Peringkat Finale Virtual Treasure Hunt
<table>
<tr><th>Tempat</th><th>Hadiah (RM)</th><th>Bilangan Pemenang</th><th>Jumlah (RM)</th></tr>
<tr><td>Pertama</td><td>1,000/peserta</td><td>1 kumpulan x 5 peserta</td><td>5,000</td></tr>
<tr><td>Kedua</td><td>500/peserta</td><td>1 kumpulan x 5 peserta</td><td>2,500</td></tr>
<tr><td>Ketiga</td><td>300/peserta</td><td>1 kumpulan x 5 peserta</td><td>1,500</td></tr>
<tr><td>Keempat</td><td>200/peserta</td><td>1 kumpulan x 5 peserta</td><td>1,000</td></tr>
<tr><td>Saguhati Peserta</td><td>100/peserta</td><td>20 kumpulan x 5 peserta</td><td>10,000</td></tr>
<tr><td>Saguhati Guru pembimbing</td><td>100/guru</td><td>50 kumpulan x 1 guru</td><td>5,000</td></tr>
<tr><td colspan="3">JUMLAH</td><td>25,000</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

| No | Soalan | Penjelasan |
|---|---|---|
| | | ▪ Hadiah tempat pertama hingga ketiga: Unit Amanah ASNB yang akan ditentukan penganjur<br>▪ Hadiah tempat keempat & saguhati: Baucar TnG e-Wallet |
| 6 | Adakah saya perlu menjadi pelabur mana-mana unit amanah ASNB untuk menyertai Kuiz Pelaburan PNB ini? | i. Tidak perlu.<br><br>ii. Bagaimanapun anda perlu membuka mana-mana akaun unit amanah ASNB (akaun akan ditetapkan penganjur) sekiranya terpilih sebagai pemenang (tempat pertama hingga ketiga) dan belum mempunyai akaun dengan ASNB.<br><br>iii. Sekiranya pemenang gagal membuka akaun selepas 2 bulan dari tarikh pengumuman pemenang, hadiah dianggap terbatal. |